



ISU KALIMAH

Sultan Selangor arah Bible, Herald henti guna

● NASIONAL 4

ISU AJARAN SESAT, SYIAH

Ketua Pengarah JAKIM jawab fatwa diperlekeh

● NASIONAL 8

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

42,646 DAPAT SEMUA A UPSR

● NASIONAL 14, 15, 16



Aina Athirah Ahmad Razali yang mendapat 5A dipeluk ibunya Suzana Asgar Khan, 43, selepas menerima keputusan di SK Tunku Azizah, Kuantan, semalam.

[FOTO HALIM MAT ALI/BH]

JOHOR SIASAT PIHAK BOCOR CUTI JUMAAT

● NASIONAL 4



NASI KANDAR VANGGEY DIARAH TUTUP

● NASIONAL 6

MANGSA HAIYAN BERSESAK MAHU DISELAMAT

● NASIONAL 12, DUNIA 47

AHLI PERNIAGAAN PILIHAN ZAHIDA

● NASIONAL 27



Eksklusif

Imigresen disogok

» **KLIA, LCCT jadi laluan menyeludup warga asing**

Oleh **Wan Noor Hayati Wan Alias**
wanti@bh.com.my

► **Putrajaya**

Pegawai imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) dikesan menerima sogokan ratusan ribu

ringgit sebulan bagi 'melepaskan' warga asing yang diseludup ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

Terima bayaran lumayan

Mereka dipercayai menerima bayaran lumayan daripada majikan dan ejen yang mahu mendapatkan pekerja asing kebanyakannya dari India dan Bangladesh dengan mudah berikutan peraturan dan syarat ketat yang dikenakan kerajaan. ● **Nasional 6**

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

1 BAHASA 1 BANGSA 1 NEGARA

www.dbp.gov.my

Kompak Serba Lengkap

picanto
baharu

Design Safety Function



www.kia.com

5 TAHUN JAMINAN

Perjalanan Tanpa Had

*Tertakuk pada terma dan syarat.



The Power to Surprise

Kini dengan harga atas jalan bermula dari **RM54,888****. Rasai kehebatannya di Bilik Pameran KIA hari ini!

**Tertakuk kepada terma & syarat

f kiamalaysia | t kiamalaysia | i kiamalaysia | NAZA KIA MALAYSIA (092406-V) | TALIAN KHIDMAT PELANGGAN: 1-800-888-KIA (542)

Terima habuan RM10,000 setiap warga asing diseludup

◉ Dari muka 1

Menurut sumber, sindiket ini hanya dikesan awal tahun ini tetapi dipercayai sudah menjalankan kegiatan itu sejak beberapa tahun lalu. Mereka dipercayai boleh menyeludup lebih 30 warga asing setiap bulan.

Sindiket ini dipercayai menyogok pegawai terbabit paling kurang RM10,000 bagi setiap warga asing yang dapat diseludup.

Mereka juga dipercayai menjadikan KLIA dan LCCT sebagai transit kepada warga asing untuk ke negara ketiga dan difahamkan bayaran yang diterima pegawai berkenaan lebih lumayan untuk kegiatan ini.

Katanya, besar kemungkinan pegawai dan penjawat awam daripada agensi kerajaan lain turut terbabit bagi memudahkan penyeludupan warga asing ini.

Modus operandi sindiket itu ialah ejen bersubahat dengan pegawai imigresen yang akan menentukan kaunter mereka bertugas sebagai 'laluan khas'.

Sebaik tiba, warga asing itu akan dikumpulkan nombor kaunter pegawai imigresen di KLIA dan LCCT yang sudah berpakat itu untuk mengesahkan semua dokumen perjalanan termasuk pasport dan visa selain mendapatkan permit kerja walaupun kemasukan mereka hanya sebagai pelancong.

Ejen bawa warga asing

Sejurus urusan dokumen selesai, ejen akan membawa warga asing terbabit kepada majikan yang sudah bersedia menunggu di lapangan terbang. Maklumat kemasukan mereka termasuk untuk bekerja di negara ini tidak direkodkan menerusi sistem supaya tidak dapat dikesan pihak kedutaan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad mengesahkan menerima maklumat berhubung pembabit pegawai jabatannya dalam sindiket berkenaan dan pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang melanggar peraturan ditetapkan.

Imigresen pantau

"Imigresen sudah mengenal pasti individu terbabit termasuk orang tengah dan ejen sindiket yang bertindak memastikan kemasukan pekerja asing secara tidak sah itu.

"Kami memandang serius isu ini dan sudah membuat pemantauan menerusi pasukan integriti imigresen bagi mengesan sebarang penyelewengan dan penipuan setiap kakitangan, khususnya di pintu masuk utama sama ada darat, udara atau laut.

"Sehubungan itu, Jabatan Imigresen bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menjalin kerjasama menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa untuk mengesan pergerakan ejen dan pegawai imigresen yang terbabit dalam salah guna kuasa ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Syor Seksyen 23, 36 Akta SPRM dipinda

» Saranan bagi mantapkan lagi usaha cegah rasuah

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Haspaizi Mohd Zain dan Sophia Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) menyaran Seksyen 23 dan 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dipinda bagi memantapkan lagi usaha membanteras gejala rasuah di negara ini.

Pengerusinya, Tan Sri Abu Zahar Ujang, berkata pindaan itu perlu dibuat berikutan kedua-dua seksyen berkenaan dilihat amat luas menyebabkannya mudah dieksploitasi

mereka yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, pindaan dalam Seksyen 23 itu membolehkan SPRM terus menyalahkan pemilikan harta seseorang yang disyaki terjebak dengan perlakuan rasuah.

"Ini kerana pada masa ini, SPRM tidak mempunyai kuasa untuk terus meminta seseorang membuat perisytiharan tanpa ada siasatan ke atas kesalahan rasuah dilakukan.

Perlu kerjasama semua

"Perkara sama juga dapat dilihat pada Seksyen 36, iaitu berhubung kuasa memperoleh maklumat SPRM," katanya pada sidang media selepas pertemuan dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed di bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Panel Penilaian Operasi SPRM, Tan Sri Dr Hadenan Abdul Jalil.

Abu Zahar turut meminta semua ahli politik sama ada pihak kerajaan atau pembangkang untuk bersama dalam memastikan rasuah di negara ini dapat dibendung.

Katanya, sejak penubuhan SPRM, pencapaian indeks persepsi rasuah (CPI) Malaysia berada pada landasan yang betul apabila berlaku peningkatan enam kedudukan ke tempat 54 pada 2012 berbanding 60 pada 2011.

Beliau berkata, pencapaian CPI itu perlu dipertingkatkan lagi termasuk dari segi perisikan, pendakwaan dan pencegahan serta persepsi masyarakat berkaitan gejala rasuah di negara ini.

"SPRM adalah badan bebas yang melaksanakan tugas tanpa rasa takut tetapi tegas dan tanpa dipengaruhi elemen tidak baik bagi memastikan imej negara bebas daripada persepsi rasuah secara menyeluruh," katanya.



“Sejak penubuhan SPRM, pencapaian indeks persepsi rasuah (CPI) Malaysia berada pada landasan yang betul apabila berlaku peningkatan enam kedudukan ke tempat 54 pada 2012 berbanding 60 pada 2011”

Abu Zahar Ujang,
Pengerusi JKMR

Restoran Vanggey kotor diarah tutup

Ipoh: Restoran yang turut menempatkan nasi kandar 'Vanggey' atau 'Nasi Ganja' yang paling popular di bandar raya ini diarahkan tutup dua minggu bermula semalam, selepas didapati tidak bersih.

Sekumpulan pegawai penguat kuasa Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta membuat pemeriksaan di premis itu yang terletak di Jalan Yang Kalsom, di sini, pada kira-kira jam 4 petang sebelum menampal notis penutupannya sejam kemudian.

Jurucakap Pejabat Kesihatan daerah berkata, pihaknya mengeluarkan notis penutupan itu bermula jam 5 petang sehingga 28 November ini bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan dan siasatan lanjut dibuat.

"Notis perintah itu dikeluarkan mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan dibuat atas alasan premis tidak bersih sehingga boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Notis perintah itu diberi kepada penama perniagaan, Nasi Kandar Ayam Merah yang juga dikenali umum sebagai 'Nasi Vanggey'.

Premis itu yang turut beroperasi dalam sebuah kedai



Notis penutupan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kinta di tampal di Restoran Nasi Vanggey.

(FOTO FARHAN NAJIB/BH)

minuman, bukan saja dikenali di kalangan rakyat di Perak, malah dari negeri lain serta pelancong asing berikutan kenakanan rasa lauk yang dihidangkan terutama ayam merah.

Langgar peraturan

Sementara itu, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Nor-diyannah Hassan, berkata pemeriksaan dilakukan ke atas premis itu adalah pemeriksaan rutin jabatan dengan ker-

jasama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Roshidi Hashim ketika ditemui pada satu majlis di sini pula mengesahkan lesen perniagaan restoran berkenaan terpaksa dibatalkan MBI selepas pengusaha itu didapati melanggar peraturan kebersihan dalam proses penyediaan makanan.

"Pengusaha terbabit perlu memohon semula lesen serta mematuhi syarat kebersihan

yang ditetapkan sebelum MBI boleh mengeluarkan lesen baru, katanya.

Operasi bersepadu yang diadakan bersama MBI, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Perak (PPDNKK) dan Jabatan Imigresen itu membuat pemeriksaan ke atas 12 premis dan PKD Kinta turut mengarahkan lima premis menjual makanan ditutup manakala empat lagi dikenakan kompaun RM1,000.

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

WARTAWAN BH BERMALAM DI VILA 'PUAKA'

● NASIONAL 14/15



SUSULAN PENDEDAHAN BH

4 pegawai imigresen di KLIA, LCCT dicekup



Kena cekup

Kena cekup

Pegawai SPRM menyita sejumlah wang, dokumen dan cop.

Laporan muka depan BH.



» 2 rakyat Indonesia turut ditahan bantu siasat kes sogok untuk lepaskan warga asing ● BERITA MUKA 6

- Laporan Wan Noor Hayati Wan Alias

TINJAUAN MOODY'S

Hutang Malaysia ditingkatkan kepada positif

● NASIONAL 2

CUKAI PINTU DBKL

Menteri, Datuk Bandar beri penjelasan

● NASIONAL 24



'TUHAN' HARUN DITAHAN DI JOHOR

● NASIONAL 13

BULAN BAHASA KEBANGSAAN



1 BAHASA 1 BANGSA 1 NEGARA

www.dbp.gov.my

Mengujakan.



Tawaran Eksklusif KLIMS 13

www.volkswagen.com.my

Deretan Volkswagen kini di Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2013.

Istimewa untuk semua peminat Volkswagen! Jom terokai kehebatan Volkswagen di KLIMS 13. Saksikan pengenalan model kereta tempatan terbaru termasuk Edisi Beetle Fender®. Nikmati tawaran hebat dan pandu pulang Hadaiah Utama, Beetle ikon sepanjang zaman pada cabutan bertuah KLIMS 13 khas untuk pelanggan Maybank.

Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2013 (KLIMS 13)

Tarikh: 15 - 24 November

Tempat: Pusat Dagangan Dunia Putra / Dewan 2

Kunjungi bilik pameran pengedar Volkswagen di seluruh negara seperti tarikh di atas dan nikmati tawaran hebat.



Volkswagen. Das Auto.

BERITA DI DALAM

Tahun Melawat
Malaysia41
HARI LAGIIkuti laporan
berita dan video
Nasional 14/15Doktor Mercy
Malaysia rawat
50 pesakit sejam

Nasional 18

Penyelidik UTM
hasil ekstrak misai
kucing rawat kanser

Nasional 19

Amah hempas
budak terlepas
penjara 20 tahun

Nasional 20

Lebih
RM60,000
untuk dimenangi.ANUGERAH
ikon
VARSITI BH

KES SOGOK LEPASKAN WARGA ASING



Dua pegawai imigresen (kiri dan tengah) ditahan SPRM dipercayai terbabit sindiket sogok pegawai imigresen melepas warga asing di laluan sah di LCCT.

Sogokan cecah RM20,000

» 4 pegawai
imigresen, 2 ejen
warga asing
ditahan
di LCCT, KLIAOleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

Sepang

Empat pegawai imigresen dan dua warga Indonesia ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) dipercayai terbabit kes sogok pegawai imigresen supaya 'melepaskan' warga asing yang menggunakan dokumen palsu.

Semua lelaki berusia antara 28 hingga 40 tahun itu ditahan dalam operasi serentak di KLIA dan LCCT, kira-kira 2.30 petang hingga 5.30 petang semalam.

BH sejak seminggu lalu, mendedahkan mengenai sogokan lumayan diterima pegawai imigresen di kedua-dua pintu masuk negara ini bagi "melepaskan" warga asing yang masuk ke negara ini menggunakan dokumen palsu atau menjadikan negara ini transit sebelum ke negara ketiga.

Mereka ditahan oleh pasukan khas yang ditubuhkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) kelmarin diketuai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.

Dalam operasi itu, SPRM turut menyita wang, dokumen dan cop pegawai terbabit ketika serbuan dilakukan di KLIA dan LCCT bagi membantu siasatan.

Dua lelaki warga Indonesia yang ditahan itu dipercayai ejen

warga asing dan mereka ditahan akan dihadapkan ke mahkamah dalam masa terdekat.

Sumber memberitahu, operasi itu adalah pertama dalam fasa permulaan membanteras kegiatan sindiket sogok pegawai imigresen.

Sasar tangkap pegawai

"Walaupun hari ini (semalam) disasarkan tangkapan sembilan pegawai imigresen, namun lima lagi tidak dapat ditangkap atas sebab yang tidak boleh didedahkan kerana bimbang suspek akan melarikan diri," katanya.

Sumber berkata, setiap pegawai dipercayai memperoleh antara RM1,000 hingga RM5,000 sogokan bagi seorang warga asing yang 'dilepaskan' mengikut kaunter khas.

Katanya, hasil sogokan boleh mencecah sehingga RM20,000 sehari jika kemasukan warga asing antara 20 hingga 30 orang.

"Mengikut modus operandi, ejen sindiket akan sediakan pasport palsu untuk warga asing. Sebelum kemasukan, ejen berkenaan akan memastikan pegawai yang bersubahat dengan sindiket, bertugas pada hari ketibaan.

"Sejurus tiba, warga asing itu akan terus ke kaunter mengikut kod tertentu yang telah

dimaklumkan ejen sindiket. Rakaman sistem kamera litar tertutup (CCTV) nampak kononnya pegawai bertugas membuat semakan.

"Bagaimanapun, sebenarnya pegawai itu melepaskan mereka tanpa meninggalkan cop pada dokumen sebelum dibawa ejen kepada majikan mereka.

"Kami percaya ramai lagi terbabit dalam kes ini dan siasatan akan terus dijalankan.

Tubuh pasukan khas

"Kita amat berterima kasih kepada Timbalan Menteri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar atas tindakan cepat dan tepat beliau menubuhkan pasukan khas ini bagi menghapuskan halangan selama ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull berkata, siasatan, pemerhatian dan pemantauan di KLIA dan LCCT dijalankan hasil maklumat orang awam yang disalurkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad.

"Siasatan telah pun selesai dan sedang dikemaskinikan untuk diserahkan kepada pihak pendakwaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



Dua pegawai imigresen (kiri dan tengah) yang ditahan SPRM.

INFO

Kronologi isu imigresen disogok

● 15 November - Pendedahan BH mengenai isu sindiket sogok pegawai imigresen di KLIA dan LCCT bagi 'melepaskan' warga asing yang diseludup ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

● 16 November - Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mengesahkan ada majikan menyogok pegawai imigresen di KLIA dan LCCT membawa masuk pekerja asing haram berikutan dakwaan amalan birokrasi rumit.

● 16 November - Gantung kerja atau pecat... kata dua Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad kepada pegawai rasuah kes menyeludup warga asing.

● 17 November - Beberapa pihak mula menuding jari berikutan pendedahan rasuah pegawai imigresen di KLIA, LCCT

● 18 November - Bekas Ketua Operasi Imigresen KLIA, Shahul Abdul Hamid menolak dakwaan mengenai kelewatan urusan di kaunter menjadi punca majikan menyogok pegawai imigresen

● 19 November - Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) minta SPRM siasat dan beri tempoh 72 jam kepada wartawan dan MEF buktikan dakwaan pegawai imigresen terbabit - Pasukan khas ditubuhkan diketuai SPRM bersama, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen

● 20 November - SPRM sahkan penahanan empat pegawai imigresen dan dua ejen warga asing dalam siasatan isu berkenaan sejak enam bulan lalu.

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my



PERINGATAN PENASIHAT
MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR
ISU VILA 'PUAKA' NASIONAL 11

**KES SOGOK PEGAWAI IMIGRESEN
DI KLIA, LCCT SELUDUP WARGA ASING**

Reman, geledah

» 4 pegawai imigresen,
suami isteri warga
Indonesia direman 5 hari

» SPRM geledah rumah
suspek, sita bahan bukti
termasuk wang tunai

BERITA MUKA 10



Goggle antialat
pemedih mata

Topi keledar
kalis peluru 9mm

Pakaian kalis
api dan air

Baju kalis peluru Level
3A 9mm dan antitikaman

Pad keselamatan siku

Pistol Glock 19
peluru 9mm

Submesingan
HK MP5 peluru 9mm

Pad keselamatan lutut

POLIS ELIT
OPERASI
1 JANUARI

NASIONAL 12

Kasut operasi



Empat pegawai imigresen
dan pasangan suami
isteri yang menjadi ejen
pekerja asing **direman**
di Mahkamah
Majistret Putrajaya.

BULAN BAHASA
KEBANGSAAN

1 BAHASA 1 BANGSA 1 NEGARA

www.dbp.gov.my



GLOKAL
INSPIRASI GLOBAL,
INOVASI TEMPATAN.

Jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan kereta konsep baru kami.
Semuanya di Kuala Lumpur International Motor Show 2013.
Kerana anda keutamaan kami.



Kunjungi kami di

- PWTC, KL (Dewan No. 3)
- 15 - 24 Nov 2013

**TARIKAN
ISTIMEWA**

- Menangi Hadiah Harian*: Samsung Galaxy Note 3 atau iPhone 5s
- Temui Penampilan Istimewa: Zulfahmi Khairuddin dan BoBoiBoy

*Tertakluk pada terma dan syarat

Pusat Panggilan Perodua: 1800 88 6600 (Isnin - Jumaat: 8.30pg. - 5.30ptg.)

facebook.com/MYPerodua @MYPerodua www.perodua.com.my Instagram: myperodua_instagram Perodua Sales Sdn Bhd (066332U)

Suspek 'lepas' warga asing kena reman lima hari

Putrajaya: Empat pegawai imigresen dan sepasang suami isteri warga Indonesia di-reman lima hari bermula semalam, untuk siasatan kes sogok pegawai imigresen bagi 'melepaskan' warga asing masuk ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

Majistret Nur Dahlia Azmi, membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan semua suspek, termasuk suami isteri dipercayai ejen warga asing, mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Seksyen itu menyatakan kesalahan rasuah membabitkan seseorang secara sendiri atau bersama orang lain meminta, menerima atau bersetuju menerima suapan sebagai dorongan atau upah berhubung perkara atau transaksi membabitkan badan awam.

Mengikut seksyen itu, hukuman adalah penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan, jika sabit kesalahan.

Lima suspek lelaki yang memakai baju lokap SPRM dan seluar pendek biru, tiba di pekarangan mahkamah, kira-kira jam 10.35 pagi semalam, diiringi polis serta pegawai SPRM.


Kira-kira 10 minit kemudian, polis membawa masuk suspek wanita, bertudung putih, baju lengan panjang dan seluar hitam ke mahkamah.

Semua suspek dibawa ke bilik menunggu dan selepas 15 minit, mereka diarah ke Mahkamah Majistret bagi mendapatkan perintah tahanan reman.

Keenam suspek yang berusia antara 25 hingga 45 tahun, hanya tunduk dan menutup muka dengan baju bagi mengelak gambar mereka dirakam.

Sejurus selesai prosiding reman, mereka yang digari dibawa keluar dan meninggalkan mahkamah menaiki tiga kereta pada jam 12 tengah hari.

Mereka ditahan oleh pasukan khas yang ditubuhkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) diketuai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) kelmarin, antara jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.



Lakaran empat pegawai imigresen dan pasangan suami isteri yang menjadi ejen pekerja asing ketika direman di Mahkamah Majistret Putrajaya. [ILUSTRASI YON]

SPRM geledah kediaman

» Sita bahan bukti dalam operasi sekitar Nilai

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Nilai

Pasukan khas diketuai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam mengeledah beberapa premis dan kediaman susulan penahan empat pegawai imigresen dan dua warga Indonesia dipercayai terbabit kes sogok supaya melepaskan warga asing menggunakan dokumen palsu.

Dalam operasi serentak di sekitar Nilai, Negeri Sembilan antara jam 3 petang hingga 4 petang, pasukan itu menyita



Pasukan khas SPRM mengeledah sebuah rumah pegawai Imigresen dalam operasi di bandar Enstek, Nilai. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL]

beberapa bahan bukti termasuk sejumlah wang tunai.

Kelmarin, empat pegawai imigresen dan pasangan suami isteri yang dipercayai ejen warga asing ditahan dalam operasi dijalankan pasukan khas itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

Dalam operasi itu, SPRM menyita wang, dokumen dan cop pegawai terbabit.

BH lebih minggu lalu, mendedahkan mengenai sogokan lumayan diterima pegawai imigresen di kedua-dua pintu masuk negara ini bagi melepaskan warga asing menggunakan dokumen palsu atau menjadikan negara ini transit sebelum ke negara ketiga.

Mengikut sumber, operasi kelmarin sebenarnya mensasarkan tangkapan sembilan

pegawai imigresen, namun lima lagi tidak dapat ditahan atas sebab tidak boleh didekahkan kerana bimbang suspek melarikan diri.

Terima sogokan

Setiap pegawai dipercayai menerima sogokan antara

“Tindakan itu dibuat kerana dakwaan yang dikemukakan membabitkan isu integriti dan amanah terhadap keselamatan negara”

Alias Ahmad,
Ketua Pengarah Imigresen

RM1,000 hingga RM5,000 bagi seorang warga asing yang 'dilepaskan' mengikut kaunter khas. Sogokan yang diterima mereka boleh mencecah sehingga RM20,000 sehari jika kemasukan warga asing antara 20 hingga 30 orang.

Sementara itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad, berkata semua pegawai yang kini dalam tahanan reman lima hari digantung tugas sehingga siasatan SPRM selesai.

“Tindakan itu dibuat kerana dakwaan yang dikemukakan membabitkan isu integriti dan amanah terhadap keselamatan negara.

“Imigresen akan memastikan pegawai yang benar-benar amanah dan jujur ditempatkan di pintu masuk sah negara,” katanya di sini semalam.



Empat pegawai imigresen dan pasangan suami isteri yang menjadi ejen pekerja asing direman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

MAUT



DITEMBAK DEPAN ANAK

Peniaga pasar malam, Alias Yusof, 58, maut kena tiga das tembakan di Pengkalan Petah, Bachok, semalam. **NASIONAL 6**




BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my



Eksklusif

ISU PEGAWAI IMIGRESEN DI KLIA, LCCT DISOGOK SELUDUP WARGA ASING

'Nak cepat, kena bayar'

» Majikan dakwa ahli sogok sebab proses kelulusan permit kerja rumit



» Pegawai rasuah akan dipecat, gantung kerja

BERITA MUKA 11

TAUFAN HAIYAN

Doktor Malaysia rawat budak putus kaki

NASIONAL 10



BULAN BAHASA KEBANGSAAN

BAHASA BANGSA NEGARA

www.dbp.gov.my

SAYA ♥ BUMI, SAYA ♥ MALAYSIA,
SAYA BAYAR BIL IWK.

IWK kini di Facebook!

Ikuti kami di www.facebook.com/IndahWaterKonsortium

Talian Bebas Tol : 1-800-88-3495 • Faks : 03-2095 6002 • E-mel : care@iwk.com.my
Laman Web : www.iwk.com.my • SMS 36399 (Taip IWK<Jarak>Pesanan)



Syarikat Pembetungan Nasional Anda
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
No.Syarikat 211763-P
Dimiliki oleh
Menteri Kewangan Diperbadankan

IMIGRESEN DISOGOK

‘Kalau nak cepat, kena bayar lebih’

» MEF sahkan ada majikan sogok pegawai imigresen

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mengesahkan ada majikan menyogok pegawai imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) untuk membawa masuk pekerja asing haram dan secara sah.

Alasan yang diberikan ialah kerana wujud amalan birokrasi

seperti proses dokumentasi yang rumit sehingga memaksa sesetengah majikan bertindak di luar undang-undang.

Lebih mengejutkan, menurut Presiden MEF, Shamsuddin Bardan, sogokan bukan saja berlaku di kawasan KLIA dan LCCT, malah di pejabat dan tempat umum.

“Kalau nak cepat, kena bayar lebih.” Itulah jawapan balas diterimanya daripada majikan, sekali gus membuktikan kegiatan itu wujud dan berleluasa.

“Saya mengakui isu dan laporan (sogokan) ini biasa didengar dan kerap dibangkitkan termasuk dalam kalangan ahli saya (MEF) sendiri... sama ada untuk dapatkan khidmat pekerja asing secara sah atau sebaliknya.

Tunggu kelulusan

“Kebiasaannya, majikan yang menghantar permohonan perlu menunggu satu tempoh tertentu untuk kelulusan. Ada kalanya



“Saya mengakui isu dan laporan (sogokan) ini biasa didengar dan kerap dibangkitkan termasuk dalam kalangan ahli saya (MEF) sendiri... sama ada untuk dapatkan khidmat pekerja asing secara sah atau sebaliknya”

Shamsuddin Bardan,
Presiden MEF

sampai tiga atau empat bulan. Cara pintas dilakukan (untuk memudahkan urusan serta kelulusan segera) adalah memberi sogokan kepada pegawai tertentu,” katanya semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini mengenai ada pegawai

imigresen di dua lapangan terbang itu menerima sogokan ratusan ribu ringgit sebulan bagi melepaskan warga asing yang diseludup ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

Shamsuddin berkata ia dipercayai didalangi sindiket tertentu

yang kebiasaannya membabitkan majikan serta ejen yang memerlukan khidmat ramai pekerja asing.

“Apa yang mereka mahukan adalah pekerja disebabkan permintaan yang tinggi, terutama dalam bidang tertentu seperti perladangan,” katanya yang menggesa ia dibendung dan diselesaikan segera.

Berikutan itu, beliau mencadangkan semua proses permohonan mendapatkan pekerja asing kecuali pengesahan pekerja dibuat menerusi online.

Katanya, langkah itu bukan saja menjimatkan waktu dan lebih cepat, malah berupaya mengelakkan kegiatan sogokan penjawat awam dan majikan serta ejen pekerja asing.

MEF juga sedia bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menangani masalah itu terus berlarutan dalam usaha mengurangkan bilangan pekerja asing tidak sah di negara ini.

Gantung kerja, pecat jika seludup warga asing

Kuala Lumpur: Gantung kerja atau pecat. Itulah kata dua Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad (**gambar**) kepada pegawainya terbabit dalam kegiatan menyeludup warga asing.

Beliau berkata, Imigresen tidak akan berkompromi dengan kejujuran, amanah, komitmen dan kesetiaan pegawai berhu-

bung isu berkenaan dan hasil siasatan dalaman akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai usaha membanteras rasuah.

“Secara purata, 107 ribu penumpang sehari, 4,452 penumpang sejam atau 74 penumpang seminit diuruskan imigresen di

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

“Sudah tentu ini satu tugas berat dan mencabar kerana mereka adalah barisan manusia berisiko mengancam keselamatan negara, bukannya barisan produk kilang yang melalui proses kawalan kualiti.

“Apatah lagi dengan bertambahnya penularan dan ancaman penganasan serta ajaran sesat dari seluruh dunia dan isu pengawal keselamatan warga asing yang membabitkan kepentingan nasional. Sebab itu imigresen tidak boleh berkompromi,” katanya ke-

pada BH semalam.

Alias berkata, walaupun hanya segelintir pegawai dipercayai terbabit, ia perlu dibanteras segera supaya kegiatan itu dikekang dan menjadi tanggungjawab menjamin integriti, kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap ketelusan imigresen.

Dalam pada itu, Alias bercadang melaksanakan ‘poligraph test’ atau alat uji bohong terhadap semua pegawai yang bertugas di pintu masuk bagi menyaring dan membantu siasatan dalaman.

Beliau juga mencadangkan Malaysia Airport Holdings Berhad memperbanyakkan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di

terminal serta membuat tapisan keselamatan sebelum mengeluarkan pas keselamatan kepada pekerja am atau pelawat harian

“Unit Integriti Imigresen tidak terhenti setakat ini dan jika ada unsur-unsur sama di tempat lain dan pegawai lain, tindakan tegas akan diambil sehingga imigresen sifar rasuah.

“Saya yakin ini langkah terbaik untuk menyediakan perkhidmatan lebih berkualiti supaya Malaysia dikenali sebagai negara yang memandangkan serius isu permerdagangan dan penyeludupan manusia,” katanya.

Selain itu, katanya, ada maklumat menunjukkan kakitangan agensi lain bersubhat dengan sindiket permerdagangan manusia untuk transit ke negara ketiga.



Fatini Zulaiha bersama kereta contoh Mini Cooper yang akan dihadiahkan oleh bapanya selepas mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. [FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Mini Cooper hadiah dapat 5A

Kota Bharu: Siti Nur Fatini Zulaiha Zukila tidak menyangka hasrat memiliki kereta Mini Cooper sebagai hadiah mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menjadi kenyataan.

Semalam, selepas menerima keputusannya, pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Zainab 1 itu mendapat kejutan paling istimewa apabila dihadiahkan kereta idaman oleh bapanya, Zukila Deraman, 36, seorang peniaga ayam.

Bapanya memandu kereta ke sekolah untuk menunjukkan hadiah kepada anak sulungnya itu. Gambar Siti Nur Fatini bersama Mini Cooper di hadapan sekolahnya kemudian dimuat naik da-

lam laman sosial Facebook dan blog oleh ibunya sehingga mendapat komen positif dan negatif.

“Pada awal tahun saya, pernah menyuarakan untuk dihadiahkan kereta berkenaan, namun bapa hanya diam. Kira-kira sebulan sebelum peperiksaan, bapa memberitahu saya akan dapat kereta itu jika mendapat 5A.

“Saya tidak menyangka bapa menunaikan janjinya, malah membawa kereta itu ke sekolah sebagai hadiah kejayaan saya. Ibu memuat naik gambar dalam Facebook sebagai kenangan dan saya tidak menyangka ia menjadi perhatian,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Tanjung Chat, di sini semalam.

Ibunya, Nor Aishah Mahmud, 31, berkata hadiah kereta adalah sebagai hadiah kejayaan anaknya dan tidak bermaksud untuk menunjuk-nunjuk kemewahan.

“Suami hanya menunaikan janjinya kepada anak dan kebetulan kami mampu membelinya. Gambar itu dimuat naik untuk kenangan keluarga dan tiada niat untuk menunjuk.”

“Kereta Mini Cooper jenis dua pintu dalam gambar yang dimuat naik dalam gambar itu bukan kereta sebenar yang akan dihadiahkan. Suami akan bawa balik kereta lain tapi tetap jenama Mini Cooper mungkin empat pintu bagi kemudahan keluarga kami,” katanya.

Gerik



MAUT MELEKAT DI POKOK SAWIT

NASIONAL 20

AHAD

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI


www.bharian.com.my

MAUT



Mohamad Firdaus Husin, 20.

MAUT



Mohamad Yusuf Ahmad, 23.

Gua Musang



PILU IBU, BAPA TAK DAPAT RAI KONVOKESYEN

NASIONAL 9

FOTO: FATILHASRI/BH

ISU PEGAWAI IMIGRESEN DI KLIA, LCCT DISOGOK SELUDUP WARGA ASING

Mula tuding jari

» Kesatuan Perkhidmatan Imigresen persoal peranan pihak berkuasa lain di KLIA, LCCT

» Persatuan Majikan-Majikan Malaysia patut disiasat akui ahli sogok

BERITA MUKA 5

» Kementerian Dalam Negeri arah henti saling menuduh, bincang mekanisme

HADIAH UPSR

Budak India khatan ikut kawan

NASIONAL 11



DERA

Budak 3 tahun maut, cedera seluruh badan

NASIONAL 12

MAJLIS RESEPSI

Farawahida ditaja RM500,000?

BPOP 11



SUKARELAWAN MALAYSIA BANTU ANGKAT MAYAT

NASIONAL 6/7



SEORANG PESAKIT DIABETES MATI SETIAP ENAM SAAT

DUNIA D6

'Masing-masing tuding jari'

» KDN arah siasatan kesan dalang utama

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Wan Noor Hayati Wan Alias

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pendedahan rasuah pegawai imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Tambang Murah (LCCT), bagi 'melepaskan' warga asing yang menggunakan dokumen palsu, semalam menyebabkan beberapa pihak mula menuding jari.

Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) mempersoalkan mengapa hanya imigresen dipersalahkan kerana tanggungjawab di pintu masuk turut membabitkan pihak berkuasa lain.

"Misalnya proses permohonan pekerja asing membabitkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Tenaga Kerja dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOME-MA)," kata Penolong Setiausaha KPISM, Mohd Fauzi Jamaluddin.

Beliau mendakwa sindiket menjadikan pegawai imigresen sebagai mangsa termasuk menggunakan nama mereka untuk mendapatkan kemudahan imigresen membawa masuk warga asing itu.

Mohd Fauzi juga mahu Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) yang kelmarin menegaskan ada ahlinya menyogok pegawai imigresen disiasat.

KPISM akan mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Isnin ini berhubung kenyataan MEF itu.

Kelmarin, Presiden MEF, Shamsuddin Bardan mengakui ada majikan menyogok pegawai imigresen di KLIA dan LCCT untuk membawa masuk pekerja asing yang menggunakan dokumen palsu kerana amalan birokrasi seperti proses dokumentasi yang rumit.

Kelmarin, Presiden MEF, Shamsuddin Bardan mengakui ada majikan menyogok pegawai imigresen di KLIA dan LCCT untuk membawa masuk pekerja asing yang menggunakan dokumen palsu kerana amalan birokrasi seperti proses dokumentasi yang rumit.

Komited bantu imigresen

Mohd Fauzi berkata, KPISM sangat komited membantu Jabatan Imigresen dan pucuk pimpinan tertinggi Imigresen membanteras salah laku dan aktiviti tidak berintegriti.

"Jika terbukti pegawai imigresen bersalah, KPISM tidak akan berkompromi melindungi pegawai ini daripada dikenakan hukuman," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri (KDN), Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar, mengarahkan Jabatan Imigresen membuat siasatan segera serta menyediakan laporan penuh berhubung dakwaan itu selain menggesa KPISM menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

"Sepatutnya kesatuan tampil bantu polis, menyalurkan maklumat jika tahu perkara (desakan pihak tertentu) itu wujud termasuk individu (sindiket) yang menggunakan nama pegawai atau menjadikan mereka mangsa.

"Kena duduk bincanglah... cari mekanisme terbaik dan selesaikan, bukan menuding jari sana sini bila isu ini timbul.. macam mana ia nak selesai," katanya ketika dihubu-



Keratan akhbar BH, kelmarin.

ngi BH, semalam.

Arah siasatan

KDN sudah mengarahkan siasatan menyeluruh dijalankan polis bagi mengesan dalang utama termasuk pegawai imigresen yang didakwa menerima sogokan daripada sindiket untuk melepaskan warga asing yang menggunakan dokumen palsu.

Katanya, KDN tidak teragak-agak mengambil tindakan dan membawa mereka yang didapati bertanggungjawab menerima dan memberi sogokan itu ke muka pengadilan, tidak kira sama ada individu itu pegawai dalaman jabatan, majikan atau pihak lain.

"Isu sogokan membabitkan pegawai imigresen pernah dibangkit oleh beberapa Ahli Parlimen di Dewan Rakyat baru-baru ini dan kita sudah lihat isunya secara dekat.

"Tapi bila perkara ini didedahkan akhbar, memang saya terperanjat dan sedih. Sebab itu kita mengarahkan polis membuat penyelidikan sehingga ke akar umbi," katanya.

Akhbar ini sejak Khamis lalu, mendedahkan ada Pegawai



“Kena duduk bincanglah... cari mekanisme terbaik dan selesaikan, bukan menuding jari sana sini”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Timbalan Menteri Dalam Negeri

Imigresen di KLIA dan LCCT dikesan menerima sogokan ratusan ribu ringgit sebulan bagi 'melepaskan' warga asing yang diseludup ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

hadap Langkawi dan bukan Kedah keseluruhannya, Mukhriz mengakui pelancong luar lebih gemar memilih Langkawi.

Bagaimanapun, katanya, bukan bermakna destinasi pelancongan di tanah besar dipinggirkan, sebaliknya turut dimajukan secara berperingkat.

Beliau berkata, antaranya adalah Tasik Pedu, Kuala Nelang; Lembah Bujang, Merbok dan Muzium Padi, Alor Star.

"Saya tanya beberapa pelancong asing, pernah datang Kedah, mereka kata tak, tapi bila tanya Langkawi, mereka akui menakjubkan dan dah tiga kali datang.

"Ini bermakna kita perlu bekerja keras mempromosi Kedah sebagai destinasi pelancongan popular," katanya.

Najib yakin dapat perkukuh hubungan KL-Dhaka

Daripada Jalal Ali Mohd Abdul Rahim
jalal@bh.com.my

Dhaka: Lawatan sulung tiga hari Datuk Seri Najib Razak ke Bangladesh, bermula hari ini dapat memperteguhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara yang telah lama terjalin.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Hazrat Shahjalal jam 7.50 petang ini dan disambut Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina.

Perdana Menteri tiba dari Colombo, Sri Lanka selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Jemputan Hasina

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Norlin Othman, berkata lawatan rasmi atas jemputan Hasina yang disampaikan ketika bertemu di luar Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat, pada September lalu.

Agenda utama lawatan bagi menghadiri perasmian penyerahan Hospital Khulus dan Kolej Kejururawatan Memorial Sheikh Fazilatunnessa Mujib kepada KPJ Healthcare Berhad.

Najib akan turut mengadakan mesyuarat dua hala, kunjungan hormat Presiden Bangladesh, Abdul Hamid dan melawat Muzium Memorial Bangabandhu, mele-

takkan kalungan bunga di Memorial Syahid Kebangsaan, Savar serta majlis makan malam dihoskan Hasina.

"Lawatan rasmi pertama Perdana Menteri cukup bermakna dalam mengeratkan hubungan dua hala Malaysia dan Bangladesh, malah hubungan kedua-dua negara amat baik kerana Malaysia antara negara Islam pertama mengiktiraf Bangladesh selepas negara itu mendapat kemerdekaan pada 1971," katanya semalam.

Bangladesh adalah negara ketiga rakan dagang terbesar bagi Malaysia di rantau Asia Selatan, selepas India dan Pakistan dengan nilai dagangan berjumlah US\$1.5 bilion (RM4.8 bilion) tahun lalu.

Bagi Bangladesh pula, Malaysia adalah rakan pelabur terbesar di ASEAN dengan pelaburan US\$174.3 juta (RM557.7 juta) tahun lalu.

Sementara itu, Rosmah mempunyai acara berasingan esok iaitu merasmikan Projek Lelangit dan Bibir Sumbing di Hospital Komuniti Dhaka.

Projek yang mendapat kerjasama Mercy Malaysia dan dibiayai Program Permata Negara (PERMATA) itu membabitkan pembedahan mereka yang menghadapi masalah bibir sumbing.

Projek yang mendapat kerjasama Mercy Malaysia dan dibiayai Program Permata Negara (PERMATA) itu membabitkan pembedahan mereka yang menghadapi masalah bibir sumbing.

Projek yang mendapat kerjasama Mercy Malaysia dan dibiayai Program Permata Negara (PERMATA) itu membabitkan pembedahan mereka yang menghadapi masalah bibir sumbing.

Projek yang mendapat kerjasama Mercy Malaysia dan dibiayai Program Permata Negara (PERMATA) itu membabitkan pembedahan mereka yang menghadapi masalah bibir sumbing.

Sasar 500,000 pelancong ke Pesta Magikal Langkawi

Kuala Lumpur: Kerajaan Kedah menyasarkan kehadiran kira-kira 500,000 pelancong luar mengunjungi Pesta Magikal Semula Jadi Langkawi pada 13 Disember ini hingga 5 Januari depan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata program itu diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Katanya, program 18 hari itu berlangsung di Pantai Lengenda, Pekan Kuah, Langkawi.

Beliau berkata, sasaran itu tidak mustahil dicapai berikutan pelbagai pengisian menarik seperti pertunjukan laser dan bunga api, belon udara, perarakan dan permainan, selain persembahan artis popular tempatan, Indonesia dan Thailand.

Ada daya tarikan

"Langkawi sememangnya ada daya tarikan tersendiri dengan kehadiran 3.5 juta pelancong setahun dan kita yakin ramai yang datang ketika pesta Ma-

gikal," katanya pada sidang media selepas melancarkan pesta itu, di sini malam tadi.

Media Prima Bhd adalah rakan penyiar rasmi Pesta Magikal Semula Jadi Langkawi.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Dr Ong Hong Peng dan Presiden Langkawi Naturally Magical Sdn Bhd, Datuk Azhar Mansor.

Ditanya mengenai faktor tumpuan kerajaan negeri ter-

IMIGRESEN DISOGOK

'Kalau nak cepat, kena bayar lebih'

» **MEF sahan ada majikan sogok pegawai imigresen**

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi dan Wan Noor Hayati Wan Alias**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mengesahkan ada majikan menyogok pegawai imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) untuk membawa masuk pekerja asing haram dan secara sah.

Alasan yang diberikan ialah kerana wujud amalan birokrasi

seperti proses dokumentasi yang rumit sehingga memaksa sesetengah majikan bertindak di luar undang-undang.

Lebih mengejutkan, menurut Presiden MEF, Shamsuddin Bardan, sogokan bukan saja berlaku di kawasan KLIA dan LCCT, malah di pejabat dan tempat umum.

"Kalau nak cepat, kena bayar lebih." Itulah jawapan balas diterimanya daripada majikan, sekali gus membuktikan kegiatan itu wujud dan berleluasa.

"Saya mengakui isu dan laporan (sogokan) ini biasa didegar dan kerap dibangkitkan termasuk dalam kalangan ahli saya (MEF) sendiri... sama ada untuk dapatkan khidmat pekerja asing secara sah atau sebaliknya.

Tunggu kelulusan

"Kebiasaannya, majikan yang menghantar permohonan perlu menunggu satu tempoh tertentu untuk kelulusan. Ada kalanya



"Saya mengakui isu dan laporan (sogokan) ini biasa didengar dan kerap dibangkitkan termasuk dalam kalangan ahli saya (MEF) sendiri... sama ada untuk dapatkan khidmat pekerja asing secara sah atau sebaliknya"

Shamsuddin Bardan,
Presiden MEF

sampai tiga atau empat bulan. Cara pintas dilakukan (untuk memudahkan urusan serta kelulusan segera) adalah memberi sogokan kepada pegawai tertentu," katanya semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini mengenai ada pegawai

imigresen di dua lapangan terbang itu menerima sogokan ratusan ribu ringgit sebulan bagi melepaskan warga asing yang diseludup ke negara ini menggunakan dokumen palsu.

Shamsuddin berkata ia dipercayai didalangi sindiket tertentu

yang kebiasaannya membabitkan majikan serta ejen yang memerlukan khidmat ramai pekerja asing.

"Apa yang mereka mahukan adalah pekerja disebabkan permintaan yang tinggi, terutama dalam bidang tertentu seperti perladangan," katanya yang menggesa ia dibendung dan diselesaikan segera.

Berikutan itu, beliau mencadangkan semua proses permohonan mendapatkan pekerja asing kecuali pengesahan pekerja dibuat menerusi online.

Katanya, langkah itu bukan saja menjimatkan waktu dan lebih cepat, malah berupaya mengelakkan kegiatan sogokan penjawat awam dan majikan serta ejen pekerja asing.

MEF juga sedia bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menangani masalah itu terus berlarutan dalam usaha mengurangkan bilangan pekerja asing tidak sah di negara ini.

Gantung kerja, pecat jika seludup warga asing

Kuala Lumpur: Gantung kerja atau pecat. Itulah kata dua Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad (**gambar**) kepada pegawainya terbabit dalam kegiatan menyeludup warga asing.

Beliau berkata, Imigresen tidak akan berkompromi dengan kejujuran, amanah, komitmen dan kesetiaan pegawai berhu-

bung isu berkenaan dan hasil siasatan dalaman akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai usaha membanteras rasuah.

"Secara purata, 107 ribu penumpang sehari, 4,452 penumpang sejam atau 74 penumpang seminit diuruskan imigresen di

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

"Sudah tentu ini satu tugas berat dan mencabar kerana mereka adalah barisan manusia berisiko mengancam keselamatan negara, bukannya barisan produk kilang yang melalui proses kawalan kualiti.

"Apatah lagi dengan bertambahnya penularan dan ancaman penganasan serta ajaran sesat dari seluruh dunia dan isu pengawal keselamatan warga asing yang membabitkan kepentingan nasional. Sebab itu imigresen tidak boleh berkompromi," katanya ke-

pada BH semalam.

Alias berkata, walaupun hanya segelintir pegawai dipercayai terbabit, ia perlu dibanteras segera supaya kegiatan itu dikekang dan menjadi tanggungjawab menjamin integriti, kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap ketelusan imigresen.

Dalam pada itu, Alias bercadang melaksanakan 'poligraph test' atau alat uji bohong terhadap semua pegawai yang bertugas di pintu masuk bagi menyaring dan membantu siasatan dalaman.

Beliau juga mencadangkan Malaysia Airport Holdings Berhad memperbanyakkan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di

terminal serta membuat tapisan keselamatan sebelum mengeluarkan pas keselamatan kepada pekerja am atau pelawat harian

"Unit Integriti Imigresen tidak terhenti setakat ini dan jika ada unsur-unsur sama di tempat lain dan pegawai lain, tindakan tegas akan diambil sehingga imigresen sifar rasuah.

"Saya yakin ini langkah terbaik untuk menyediakan perkhidmatan lebih berkualiti supaya Malaysia dikenali sebagai negara yang memandangkan serius isu permerdagangan dan penyeludupan manusia," katanya.

Selain itu, katanya, ada maklumat menunjukkan kakitangan agensi lain bersubahat dengan sindiket permerdagangan manusia untuk transit ke negara ketiga.



Fatini Zulaikha bersama **kereta contoh Mini Cooper** yang akan dihadiahkan oleh bapanya selepas mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. [FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Mini Cooper hadiah dapat 5A

Kota Bharu: Siti Nur Fatini Zulaikha Zukila tidak menyangka hasrat memiliki kereta Mini Cooper sebagai hadiah mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menjadi kenyataan.

Semalam, selepas menerima keputusannya, pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Zainab 1 itu mendapat kejutan paling istimewa apabila dihadiahkan kereta idaman oleh bapanya, Zukila Deraman, 36, seorang peniaga ayam.

Bapanya memandu kereta ke sekolah untuk menunjukkan hadiah kepada anak sulungnya itu. Gambar Siti Nur Fatini bersama Mini Cooper di hadapan sekolahnya kemudian dimuat turun

dalam laman sosial Facebook dan blog oleh ibunya sehingga mendapat komen positif dan negatif.

"Pada awal tahun saya, pernah menyuarakan untuk dihadiahkan kereta berkenaan, namun bapa hanya diam. Kira-kira sebulan sebelum peperiksaan, bapa memberitahu saya akan dapat kereta itu jika mendapat 5A.

"Saya tidak menyangka bapa menunaikan janjinya, malah membawa kereta itu ke sekolah sebagai hadiah kejayaan saya. Ibu memuat turun gambar dalam Facebook sebagai kenangan dan saya tidak menyangka ia menjadi perhatian," katanya ketika ditemui di rumahnya di Tanjung Chat, di sini semalam.

Ibunya, Nor Aishah Mahmud, 31, berkata hadiah kereta adalah sebagai hadiah kejayaan anaknya dan tidak bermaksud untuk menunjuk-nunjuk kemewahan.

"Suami hanya menunaikan janjinya kepada anak dan kebetulan kami mampu membelinya. Gambar itu dimuat turun untuk kenangan keluarga dan tiada niat untuk menunjuk."

"Kereta Mini Cooper jenis dua pintu dalam gambar yang dimuat turun dalam Facebook itu bukan kereta sebenar yang akan dihadiahkan. Suami akan bawa balik kereta lain tapi tetap jenama Mini Cooper mungkin empat pintu bagi kemudahan keluarga kami," katanya.

Dakwaan MEF tidak beres

» Masalah boleh diatasi dengan sediakan lebih banyak kaunter di KLIA

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Ketua Operasi Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Shahul Abdul Hamid menolak dakwaan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mengenai kelewatan urusan di kaunter menjadi punca majikan menyogok untuk membawa masuk warga asing.

Beliau menjelaskan, dakwaan MEF itu tidak berasas kerana rasuah berlaku disebabkan wujud ruang dan peluang

serta kepentingan kedua-dua pihak.

Sebaliknya kata beliau, masalah lambat proses itu boleh diatasi dengan menyediakan lebih banyak kaunter di ruang ketibaan dan berlepas, di lapangan terbang.

Dalam pada itu, katanya, jika 58 kaunter di KLIA dan 36 kaunter di LCCT dibuka sepenuhnya, bermakna ada 94 kaunter.

Tiada asas

"Ini bermakna purata seorang warga asing diperiksa ialah selama lapan minit saja. Jelas bahawa sasaran 10 minit seorang itu, sudah dicapai kerana polisi kerajaan menetapkan seorang penumpang mengambil masa 10 minit untuk pemeriksaan.

"Ini membuktikan bahawa dakwaan MEF itu tidak berasas sama sekali. Lebih mengecewakan, kaunter yang disediakan itu tidak dibuka sepenuhnya kerana tidak cukup petugas," katanya kepada BH.



Keratan akhbar BH Ahad, semalam.

Saling tuding jari

Pendedahan rasuah pegawai imigresen di KLIA dan LCCT bagi melepaskan warga asing yang menggunakan dokumen palsu kelmarin menyebabkan beberapa pihak menuding jari.

Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Ma-

laysia mahu MEF yang mengesahkan ada ahlinya menyogok pegawai imigresen, disiasat.

Akhbar ini sejak Khamis lalu mendedahkan ada pegawai imigresen di KLIA dan LCCT dikesan menerima sogokan ratusan ribu melepaskan warga asing.

Malaysia ada potensi jadi hab beli-belah

Kuala Lumpur: Malaysia berpotensi menjadi hab beli-belah terkemuka dunia menerusi program Jualan Akhir Tahun 1Malaysia.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata ia berikutan 25.04 juta pelancong yang datang ke negara ini tahun lalu direkodkan membelanjakan RM60.6 bilion.

Justeru, katanya, hasrat itu boleh dijayakan jika semua pemain industri yang terbabit bekerjasama dengan kerajaan.

320 pusat beli-belah

"Dengan lebih 320 pusat beli-belah, Malaysia mempunyai industri perniagaan yang dinamik dan sedang berkembang pesat seiring dengan industri pelancongan.

"Kerajaan Malaysia juga menjadikan industri pelancongan dan membeli-belah sebagai agenda ekonomi negara apabila kedua-duanya antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara," katanya berucap merasmikan pelancaran Jualan Akhir Tahun 1Malaysia di ibu negara, semalam.

Beliau berkata rekod perbelanjaan pelancong di negara ini pada tahun lalu itu membuktikan sektor membeli-belah negara akan terus berkembang dalam tempoh beberapa tahun akan datang serta menjadi pilihan pelancong.

1.4 juta rakyat Bangladesh mohon kerja di Malaysia

Jalal Ali
Ab Rahim
bhnews@bh.com.my
Dhaka



Graduan dan mereka yang mempunyai kelayakan lebih tinggi antara 1.4 juta rakyat Bangladesh yang memohon untuk bekerja di sektor perladangan di Malaysia.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Norlin Othman, berkata angka itu menunjukkan minat begitu tinggi rakyat republik itu untuk bekerja di Malaysia selepas adanya perjanjian antara kerajaan kedua-dua negara berhubung pengambilan pekerja akhir tahun lalu.

"Seramai 1.4 juta pekerja Bangladesh daftar dan mohon untuk bekerja di Malaysia. Kita hanya mahu untuk perladangan tetapi graduan dan yang lebih kelayakan pun ada yang memohon, jadi ramai yang kita buang termasuk kerana masalah terlebih kelayakan serta umur terlalu muda atau tua.

"Dalam pangkalan data kerajaan Bangladesh kini ada 500,000 dari-

pada 1.4 juta yang layak dan di pihak kita pula secara rasmi kita letak keperluan hanya 10,000 pekerja," katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini bagi membuat lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, selama tiga hari ke sini, bermula semalam.

Norlin berkata, sejak perjanjian dimeterai, hanya 500 pekerja negara itu memasuki Malaysia untuk bekerja dalam sektor berkenaan.

Katanya, Bangladesh bersetuju akan bertanggungjawab soal dokumentasi, pemeriksaan kesihatan dan latihan ke atas pekerja mereka manakala Malaysia bertanggungjawab ke atas majikan termasuk soal gaji minimum dan pemberian faedah lain yang wajar diberikan.

Ikut prosedur

"Semuanya perlu dipastikan mengikut prosedur termasuk syarikat perladangan menguruskan permohonan dan pengambilan serta pembayaran levi.

"Sekarang apabila sampai di Malaysia pekerja berkenaan ada

kerja, mereka tahu gaji, jadi lebih sistematik tetapi lambat sikit (proses kemasukan pekerja)," katanya.

Norlin turut mengesahkan pekerja Bangladesh paling ramai terbabit dalam Program Pemutihan 6P dan faktor itu turut disumbangkan peranan pihak Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia yang mengambil berat masalah itu.

Ditanya sama ada isu pekerja asing akan dibangkitkan ketika pertemuan empat mata Najib dengan rakan sejawatnya di Bangladesh, Sheikh Hasina, serta mesyuarat dua hala membabitkan kedua-dua pemimpin itu dan pegawai tertinggi, beliau berkata isu pekerja dari Bangladesh sudah diselesaikan dan tumpuan lebih kepada mengeratkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama dalam pelbagai sektor.

"Kali ini tidak ada isu mendesak perlu diselesaikan tetapi menyentuh kerjasama yang sedang dilakukan kerana Malaysia dan Bangladesh, kita bersama sebagai negara anggota dalam banyak kumpulan seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Komanwel dan D8.



ديوان بندراري كوالالمپور
DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

PEMBERITAHUAN MENGENAI SENARAI NILAIAN BARU BAGI TAHUN 2014

Menurut Seksyen 141(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini memberi notis bahawa Senarai Nilai baharu berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 yang mengandungi butir-butir bagi maksud taksiran untuk semua pegangan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun sedia dan boleh disemak mulai 18 November 2013 di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tingkat 4, Bangunan TH Perdana, 1001Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur pada hari bekerja antara pukul 9 pagi hingga 4 petang oleh mana-mana orang yang mengaku sebagai sama ada pemunya atau penduduk sesuatu pegangan dalam Senarai Nilai itu atau sebagai ejen mana-mana orang itu.

Bertarikh 14 November 2013
(DBKL/JPPH/2011/PENT/1)

DATUK SERI HJ. AHMAD PHESAL BIN HJ. TALIB,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

www.dbkl.gov.my

PELARASAN TARIF ELEKTRIK 1 JANUARI 2014

- » Penjelasan rasional kenaikan
- » Kesan terhadap bil bulanan pengguna
- » Komen TNB, ahli ekonomi

● NASIONAL 12, 13, B1, B2

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

MENGAKU BERSALAH



Nik Azan Nik Man




Abdullah Busahlan



Mohd Hasrul Che Othman

KES SOGOK DI KLIA, LCCT 4 PEGAWAI IMIGRESEN, SEORANG WARGA INDONESIA DIDAKWA

● NASIONAL 16



R Vikneswaran



Mohd Syazli Samadi

Undi dan menang iPad Mini, Samsung Galaxy Note II dan jam tangan ★ HIP H2

MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2013

Mesej Najib



- 1** Perlu ada visi jelas untuk masa depan
- 2** Transformasi UMNO kena ambil kira realiti politik baharu
- 3** Perlu beri isyarat jelas UMNO sentiasa dahulukan rakyat
- 4** Sedia bantu beri kekuatan kepada rakan komponen

● BERITA MUKA 26, 27



Jenazah dua beradik dikebumi dalam satu liang.

Remaja ditahan kes kematian tiga beradik

Alor Setar: Seorang remaja lelaki berusia 16 tahun ditahan berhubung penemuan mayat tiga beradik dari Alor Semela, di sini yang diklasifikasi oleh polis sebagai kes bunuh.

Remaja berasal dari Perlis itu ditahan jam 11.30 malam kelmarin, kira-kira lapan jam selepas mayat mangsa kedua dan ketiga ditemui terapung di tali air Padang Petani, dekat sini.

Kesan identiti

Polis mengesan identitinya melalui telefon bimbit mangsa, Noor Syafikah Nadia Rusdi, 14, yang ditinggalkan di rumahnya yang menunjukkan kedua-dua mereka saling mengenali.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Md Jan, berkata remaja yang masih belajar itu ditahan sekitar Arau, Perlis untuk membantu siasatan dan kini direman empat hari.

"Kita masih mengumpulkan maklumat daripada remaja terbabit. Selain itu kita mengumpul keterangan lebih 10 individu membabitkan ahli keluarga serta rakan mangsa untuk mengenal pasti punca serta motif," katanya.

● Nasional 10

KES SOGOK PEGAWAI IMIGRESEN DI KLIA, LCCT SELUDUP WARGA ASING

Perenggan penghakiman kes Anwar tiada unsur negatif

Putrajaya: Satu perenggan dalam penghakiman mahkamah yang membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat bekas pemandu keluarganya, tidak mengandungi kritikan atau komen yang merendah-rendahkan beliau, Mahkamah Persekutuan di sini, semalam, diberitahu.

Perenggan itu adalah mengenai penghakiman Mahkamah Persekutuan pada 2004 yang menyatakan beliau mempunyai kecenderungan homoseksual.

Timbalan Pendakwa Raya, Manoj Kurup dalam hujahnya, berkata perenggan ingin dipadankan Anwar hanya mengandungi 'penemuan' berdasarkan bukti yang terdapat dalam rekod rayuan melalui transkrip perbicaraan.

Ada keterangan mencukupi

Manoj berkata, ada keterangan mencukupi dalam rekod rayuan untuk memberikan justifikasi kepada komen itu dan ia adalah

sebahagian daripada proses analitikal hakim dalam memberikan keputusan.

“Kami berhujah, perenggan yang dipertikaikan itu berkaitan dengan elemen dalam pertuduhan dan mahkamah berhak untuk memberikan komen sebelum menentukan sama ada membenarkan rayuan atau sebaliknya”

Manoj Kurup,
Timbalan Pendakwa
Raya

menukarkan mahkamah ini menjadi badan panel penyunting adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah,” katanya.

Anwar memfailkan permohonan semakan untuk memadamkan satu perenggan itu pada Mei lalu, sembilan tahun selepas beliau dilepas dan dibebaskan Mahkamah Persekutuan atas dakwaan meliwat pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar.

Pada 2 September 2004, Mahkamah Persekutuan membebaskan Anwar selepas mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun ke atasnya.

Sementara itu, peguam Anwar, Datuk Sulaiman Abdullah berkata, perenggan yang dipertikaikan itu mencemarkan reputasi Anwar dan menyebabkan ketidakadilan kepadanya kerana ia sering disalah guna, diulang, dan diterbitkan sebagai justifikasi untuk merujuk dan menghentam beliau sebagai seorang homoseksual di mata masyarakat.

Tiga mengaku, dua nafi

» Dua pegawai, perantara dihukum penjara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Shah Alam

Dua pegawai imigresen masing-masing dihukum penjara lima dan dua tahun, selepas mengaku bersalah atas tuduhan berkaitan rasuah, Ogos lalu.

Tertuduh, Nik Azan Nik Man, 31, dan Mohd Hasrul Che Othman, 28, turut diperintah Hakim Mahkamah Sesyen, M Bakri Abdul Majid membayar denda RM20,000 setiap seorang atau menjalani hukuman penjara selama setahun sekiranya gagal membayar denda.

Perantara warga Indonesia yang juga pendatang tanpa izin, Abdullah Busahlan, 43, dihukum penjara empat tahun lima bulan selepas mengaku bersalah terhadap sembilan tuduhan memilik pasport Indonesia palsu kegunaan rakan senegarannya, pada Ogos dan November lalu.

Hukuman penjara

M Bakri memerintahkan semua tertuduh menjalani hukuman penjara secara berturut-turut bermula dari tarikh tangkap.

Nik Azan, yang berkhidmat di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), dihukum penjara empat tahun dan didenda RM20,000 selepas mengaku bersalah terhadap dua tuduhan mengikut Seksyen 17 (a), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dia dituduh memperoleh RM800 daripada Abdullah sebagai upah tidak mengambil tindakan terhadap dua lelaki Indonesia, 'Hendrawan dan Amrizal', yang memiliki pasport tanpa cop masuk yang sah.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di dalam tandas di LCCT di Sepang, pada jam 2.30 petang, 28 Ogos 2013.

Terima RM4,200

Tertuduh juga dihukum penjara setahun bagi dua tuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, menerima RM4,200 daripada Abdullah melalui akaun banknya.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu stesen PETRONAS Malaysia Airport Niaga KLIA 3, Jalan Pekeliling Kargo, Sepang



Tertuduh Mohd Hasrul Che Othman (kanan), 28; Abdullah Busahlan, 43 (berdiri) dan Nik Azan Nik Man, 31 (kiri) mendengar pertuduhan dibacakan kepada mereka dalam prosiding pendakwaan kes rasuah di Mahkamah Sesyen, semalam.

[ILUSTRASI OLEH YON]



Nik Azan (tengah) bersama Mohd Hasrul diiringi anggota polis di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]



Vikneswaran mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen Shah Alam, semalam.

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]

dan stesen Petronas JML Damai, Lot 68501, Persiaran Anggerik Mokara, Taman Kota Kemuning, dekat sini antara jam 11.19 pagi dan jam 9.04 malam, pada 31 Oktober lalu.

Mohd Hasrul pula dihukum penjara dua tahun dan didenda RM20,000 bagi dua tuduhan bersubahat dengan Nik Azan untuk tidak mengambil tindakan terhadap 'Hendra-

wan dan Amrizal', pada 28 Ogos lalu, pada jam 11.45 pagi, di kaunter nombor 16, Balai Perlepasan Imigresen di LCCT.

Abdullah dihukum penjara enam bulan bagi setiap kesalahan mengikut Seksyen 12(1)(a) dan seksyen 12(1)(f) Akta Pasport, selepas berada dalam milikkannya sembilan pasport Indonesia palsu atas nama Hendrawan, Amrizal, Muliadi, Paryumi, Mat Suhar, Holifah, Yuliatin dan Reny.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di LCCT di Sepang dan di Lot 3736-A, Lorong Abullah, Batu 7 1/2, Jalan Kebun, dekat sini pada 28 Ogos dan 20 November lalu.

Pada 21 November lalu, BH melaporkan empat pegawai Imigresen dan dua warga Indonesia ditahan di KLIA dan LCCT berhubung kes sogok pegawai Imigresen supaya 'melepaskan' warga asing yang menggunakan dokumen palsu.

Mengaku tak bersalah

Sementara itu, di depan Hakim Asmadi Hussin, pegawai Imigresen, R Vikneswaran, 32, mengaku tidak bersalah terhadap tiga tuduhan meminta dan setuju terima rasuah bernilai RM9,000 manakala rakan setugasnya, Mohd Syazli Samadi, 28, membuat pengakuan sama bersubahat dengannya.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Kevin Morais manakala Vikneswaran diwakili peguam A Ramasami. Tertuduh lain tidak diwakili peguam.